

Guru, petugas KEMAS dibenar berpolitik

Langkah selaras prinsip birokrasi jamin hak, kebebasan rakyat

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Kerajaan memberi kebenaran kepada semua guru sekolah serta petugas Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di seluruh negara untuk berpolitik berkuat kuasa serta-merta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata perkara itu diputuskan Kabinet sebagai menghormati prinsip demokrasi memandangkan sebelum ini golongan berkenaan dilarang untuk berpolitik.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta Kementerian Pendidikan (KPM) mengeluarkan pekeliling mengenai kebenaran berkenaan, dengan segera sekiranya masih belum ada.

"Saya telah pun membawa perkara ini ke Kabinet dan memutuskan dalam menghormati prinsip demokrasi iaitu hak rakyat untuk berpolitik, maka kami telah membuat keputusan membenarkan guru-guru berpolitik."

"Sebelum ini, ada notis pekeliling untuk menyekat guru daripada berpolitik dan ramai dalam kalangan mereka diberi

amaran untuk diambil tindakan," katanya pada sidang media selepas mengadakan perjumpaan khas bersama pemimpin Badan Perhubungan UMNO negeri, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub.

Ismail Sabri yang juga Naib Presiden UMNO, berkata sebelum ini kakitangan KEMAS dibenarkan berpolitik seperti rakyat biasa, namun ketika era Pakatan Harapan (PH) mereka tidak dibenarkan berbuat demikian.

"Justeru saya ingin umumkan bahawa guru-guru KEMAS juga bebas dan dibenarkan berpolitik."

"Jika pekeliling belum dikeluarkan, saya harap Kementerian Pendidikan segera mengeluarkan pekeliling agar tiada lagi tekanan dilakukan terhadap guru-guru ini," katanya.

Bagaimanapun jelas Ismail Sabri, guru dan petugas KEMAS berkenaan masih tertakluk terhadap peraturan jabatan masing-masing.

"Seperti guru misalnya jika berpolitik hingga meninggalkan tugas mereka boleh diambil tindakan disiplin dan sebagainya, itu terserah kepada jabatan (membuat penilaian)," katanya.

Susulan pengumuman itu, Ke-



Ismail Sabri ketika menyampaikan ucapan pada perjumpaan khas bersama pemimpin Badan Perhubungan UMNO Kelantan di Kota Bharu, semalam. (Foto bernama)

satuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) mahu golongan pendidik kekal memberi tumpuan terhadap tugas hakiki mereka walaupun kini dibenarkan terbabit dalam politik.

Sambil menyambut baik kebenaran yang diberikan kerajaan itu, Presiden NUTP, Aminuddin

Awang juga berharap guru tidak menyalahgunakan kebenaran dan jawatan dalam politik semata-mata untuk kepentingan diri.

"Dalam era sekarang, kita perlu menerima keputusan ini dengan matang. Apa yang paling penting, kita tidak mahu guru yang memegang jawatan dalam parti politik terlalu

memfokuskan kepada politik sehingga mengabaikan tugas sebenar.

"Kita juga amat mengharapkan guru yang terbabit tidak menjadikan jawatan dalam parti politik sebagai saluran untuk mendapatkan habuan diri seperti jawatan di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) atau Jabatan Pen-

didikan Negeri (PPD)," katanya ketika dihubungi BH.

Aminuddin berkata, NUTP juga berharap perjalanan politik negara akan menjadi lebih matang dan teratur dengan pembabitannya ramai guru dalam dunia politik tanah air seperti pada era 1950-an dan 1960-an.

"Ketika itu, peranan guru menjadi amat penting dalam menentukan hala tuju politik negara ke arah kesejahteraan dan keharmonian," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Pusat Kajian Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Anuar Ahmad, menyifatkan keputusan terbaru kerajaan itu sesuatu yang mengejutkan dan menimbulkan tanda tanya kepada warga pendidik kerana tiada sebarang kenyataan oleh mana-mana pihak yang membantah larangan berpolitik sebelum ini.

Beliau berkata, pada 8 Disember 2021, KPM melalui pejabat Ketua Setiausaha Kementerian mengeluarkan satu surat pekeliling arahan yang membatalkan kelulusan pembabitannya penjawat awam dalam politik bagi warga KPM, termasuk guru.

"Bagaimanapun, sebagai pe-

merhati pendidikan negara, saya menyambut baik keputusan kerajaan ini.

"Sejarah negara membuktikan golongan guru lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (UPSI) banyak menyumbang dalam bentuk penulisan di akhbar untuk memberi kesedaran, yang membawa kejayaan rakyat menentang penjajah dan menuntut kemerdekaan negara.

"Dengan kebenaran ini, guru harus bijak menjaga profesionalisme keguruan mereka dan tidak campur-aduk dengan kepentingan politik kepartian," katanya.

Pada masa sama, Anuar meminta KPM segera mengeluarkan kenyataan rasmi yang jelas supaya pihak pentadbir sekolah, guru dan ibu memahami implikasi kebenaran berpolitik dalam kalangan guru kepada pendidikan anak mereka.

"Sebaik-baiknya, agensi berkaitan perkhidmatan awam juga perlu melakukan penambahbaikan kepada garis panduan termasuk melakukan semakan kepada dokumen Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata Tertib) 1993 sebagai panduan guru yang ingin aktif dalam politik," katanya.



Aminuddin Awang